



QasehImpian

Pelan insurans yang membantu anda mencapai impian melalui simpanan bijak dan perlindungan menyeluruh

Ini adalah pelan endowmen tanpa penyertaan.

FWD Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Insurance Berhad atau PIDM (laiari www.pidm.gov.my).



Simpan untuk Masa Depan sambil Nikmati Ganjaran Hari Ini

Anda mengidamkan rumah sendiri, masa depan yang cerah untuk anak-anak, peluang untuk menjelajah dunia, serta persaraan yang selesa. Namun, apabila tanggungjawab semakin bertambah, menabung untuk masa depan menjadi satu cabaran.

Dengan **Qaseh Impian**, anda tidak perlu memilih antara menikmati kehidupan masa kini dan merancang masa depan. Anda boleh melakukan kedua-duanya.

Ita merupakan satu pelan simpanan dan perlindungan yang fleksibel dengan tempoh pembayaran premium yang pendek, direka khas untuk membantu anda membina kekayaan sambil memastikan anda sentiasa dilindungi.

Simpanan anda akan meningkat setiap tahun, dengan Pembayaran Tunai Terjamin (PTT) yang meningkat setiap tiga tahun, memastikan anda terus bermotivasi untuk menabung dan yakin dari segi kewangan. Raikan detik-detik penting dalam hidup anda dengan Manfaat *Celebrate Living* yang menjanjikan masa depan yang lebih cerah dan terjamin.

Simpan untuk masa depan sambil nikmati ganjaran hari ini dengan **Qaseh Impian.**

Ringkasan Manfaat Qaseh Impian

Membina kekayaan anda sambil dilindungi

Pembayaran Tunai Terjamin (PTT) yang Meningkat

Memandang simpanan anda **meningkat dengan 3% atau 5% setiap tiga tahun**, bergantung pada tempoh pembayaran premium pilihan anda.



Manfaat Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)

Bayaran tertinggi antara: 105% daripada jumlah premium yang telah anda bayar tolak jumlah PTT yang telah diterima; atau Nilai Tunai Terjamin.



Manfaat *Celebrate Living*

Menerima **4%** daripada Premium Tahunan bagi setiap peristiwa istimewa yang diraikan sepanjang hidup anda (terhad kepada 3 peristiwa).



Manfaat Tambahan Kematian akibat Kemalangan

250% daripada Premium Tahunan tambahan akan dibayar.



Manfaat Matang Terjamin

Menikmati **400% atau 700% daripada Premium Tahunan**, bergantung pada tempoh pembayaran premium pilihan anda.



Tempoh Pembayaran Premium Pendek selama 5 atau 10 Tahun

Pilih tempoh pembayaran premium sependek **5 tahun** atau **10 tahun**, dengan tempoh perlindungan selama 21 tahun.




Meningkatkan Simpanan Anda dengan Pembayaran Tunai Terjamin (PTT) yang Makin Bertambah

Memandang simpanan anda bertambah setiap tahun melalui **PTT** yang akan **bertambah sebanyak 3% atau 5% setiap 3 tahun**, bermula dari tahun polisi pertama sehingga tempoh matang.

Pembayaran Tunai Terjamin (PTT) Tahunan

(% daripada Premium Tahunan)



Anda boleh mengeluarkan PTT anda atau mendepositkan dengan kami.

Sekiranya anda tidak membuat pengeluaran, PTT anda akan didepositkan dengan kami secara automatik dan akan memperolehi faedah pada kadar yang ditetapkan oleh kami.

Manfaat Matang Terjamin

Menerima bayaran sekaligus seperti bawah apabila polisi matang:

Tempoh Pembayaran Premium	Manfaat Matang Terjamin
5 tahun	400% daripada Premium Tahunan
10 tahun	700% daripada Premium Tahunan



Manfaat *Celebrate Living* sebanyak 12% daripada Premium Tahunan

Menerima **4% daripada Premium Tahunan** bagi setiap peristiwa istimewa yang diraikan sepanjang hidup anda, bermula dari tahun polisi ke-2, terhad kepada 3 peristiwa setiap polisi.

Orang yang Diinsuranskan	Ahli Keluarga Orang yang Diinsuranskan
<ul style="list-style-type: none">mendaftar masuk ke institusi pengajian tinggibergraduasi dari institusi pengajian tinggimembeli kereta barumembeli rumah barumemulakan perniagaa baruberkahwinmenunaikan ibadah Umrah/ Hajj	<ul style="list-style-type: none">kelahiran anak/ cucu atau anak/ cucu menunaikan aqiqahperkahwinan anak/ cucupendaftaran masuk anak/ cucu ke institusi pengajian tinggigraduan anak/ cucu dari institusi pengajian tinggi

Untuk melayakkan diri bagi Manfaat *Celebrate Living*, tarikh peristiwa pertama anda mestilah sekurang-kurangnya 15 hari dari tarikh permulaan polisi anda. Walau bagaimanapun, manfaat ini hanya akan dibayar bermula dari awal tahun polisi ke-2. Tiada had ke atas bilangan peristiwa yang diraikan pada satu-satu masa. Anda boleh meraikan 3 peristiwa kehidupan sekaligus pada satu-satu masa bagi setiap polisi.

Lindungi diri daripada Kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) serta Kematian Akibat Kemalangan Tambahan

Sekiranya berlaku Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK), keluarga anda akan menerima perlindungan kewangan yang sewajarnya.

Tahun Polisi	Manfaat Kematian atau HUMK ¹	Manfaat Tambahan Kematian Akibat Kemalangan ²
1 dan 2	100% daripada Jumlah Premium yang Dibayar oleh anda tolak Jumlah PTT yang diterima oleh anda	
3 dan ke atas	Bayaran tertinggi antara: <ul style="list-style-type: none">105% daripada Jumlah Premium yang Dibayar oleh anda tolak Jumlah PTT yang diterima oleh anda; atauNilai Tunai Terjamin	250% daripada Premium Tahunan tambahan akan dibayar

¹ Manfaat HUMK akan tamat pada ulang tahun polisi apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai usia 75 tahun dan tertakluk kepada had maksimum RM4.0 juta bagi setiap hayat.

² Kematian mesti disebabkan oleh Kecederaan Badan akibat Kemalangan dalam tempoh 90 hari dari tarikh kemalangan. Manfaat Tambahan Kematian Akibat Kemalangan akan tamat pada ulang tahun polisi apabila Orang yang Diinsuranskan mencapai usia 75 tahun dan tertakluk kepada had maksimum RM2.0 juta bagi setiap hayat.

Penerimaan Terjamin

Permohonan yang mudah tanpa pemeriksaan perubatan untuk **jumlah yang diinsuranskan sehingga RM500,000 bagi setiap hayat**.



Bagaimana Simpanan Anda Menumbuh Dalam Tempoh 21 Tahun?

Bersedia untuk Persaraan yang Tenang

Selepas bertahun-tahun membina kerjaya, Adam mengidami persaraan yang tenang dan selesa. Beliau ingin bersara pada usia 60 tahun dan menerima pembayaran tunai terjamin setiap tahun untuk menikmati hidup sepenuhnya.



Pemilik Polisi	Adam (umur 39)
Orang yang Diinsuranskan	Adam (umur 39)
Tempoh Pembayaran Premium	10 Tahun
Tempoh Polisi	21 Tahun
Premium Tahunan	RM4,500
Jumlah Premium yang Dibayar selama 10 Tahun	RM45,000
Pulangan Tahunan	1.56%



Pembayaran Tunai Terjamin (PTT) Tahunan

meningkat secara berterusan sebanyak 5% setiap tiga tahun



*Jumlah Manfaat Kelangsungan Hidup merujuk kepada Jumlah Pembayaran Tunai Terjamin yang diterima sepanjang tempoh polisi, Manfaat Matang Terjamin, dan Jumlah Manfaat Celebrate Living yang diterima (bersamaan dengan 4% daripada Premium Tahunan bagi setiap peristiwa kehidupan). Sila ambil maklum bahawa Jumlah Manfaat Kelangsungan Hidup tidak bersamaan dengan Nilai Serahan.

Premium yang anda bayar menyumbang kepada elemen simpanan dan perlindungan produk ini, contohnya manfaat kematian. Jika anda sedang mempertimbangkan produk kewangan dengan elemen simpanan, anda disarankan untuk membandingkan pulangan tahunan polisi ini dengan kadar pulangan efektif alternatif pelaburan lain.

Jawapan untuk soalan anda

Anda mungkin ada keraguan sebelum melanggan pelan ini. Kami sedia menjawabnya untuk anda.

Apakah pelan Qaseh Impian?

Qaseh Impian merupakan pelan endowmen bukan penyertaan yang menggabungkan perlindungan dan simpanan dengan tempoh pembayaran premium terhad kepada 5 atau 10 tahun.

Manfaat akan dibayar apabila polisi matang, apabila Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia, atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) dalam tempoh polisi, mana-mana yang berlaku terdahulu.

Siapa yang layak?

Anda boleh membeli pelan ini jika anda berumur antara 16 hingga 100 tahun, sementara umur penyertaan minimum bagi Orang yang Diinsuranskan ialah 14 hari.

Umur Penyertaan (Hari Jadi Berikutnya)	Minimum	Maksimum
Orang yang Diinsuranskan	14 hari	70 tahun
Pemilik Polisi	16 tahun	100 tahun

Berapakah jumlah minimum dan maksimum yang Diinsuranskan serta Premium Tahunan?

Tempoh Pembayaran Premium	Jumlah yang Diinsuranskan Minimum	Jumlah yang Diinsuranskan Maksimum
5 tahun	RM6,000	RM500,000 setiap hayat
10 tahun	RM3,000	

Nota: Jumlah yang Dinsuranskan adalah bersamaan dengan Premium Tahunan.

Anda boleh memilih untuk membayar premium secara bulanan, suku tahunan, separuh tahunan atau tahunan.

Adakah premium saya akan berubah sepanjang polisi?

Tidak. Premium adalah terjamin dan tidak akan berubah sepanjang tempoh pembayaran premium.

Bagaimana saya membuat tuntutan?

Kumpulkan dan serahkan semua dokumen sokongan bersama borang tuntutan di mana-mana cawangan kami.

Apakah pengecualian di bawah polisi ini?

Polisi ini tertakluk kepada pengecualian berikut:

Tiada manfaat akan dibayar bagi **Kematian, Kematian Akibat Kemalangan dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)** sekiranya tuntutan berpunca daripada:

Bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencenderakan diri sendiri	Bunuh diri, cubaan membunuh diri, atau tindakan mencenderakan diri sendiri yang dilakukan oleh Orang yang Diinsuranskan dalam tempoh satu tahun dari permulaan polisi atau tarikh terakhir kami mengembalikan polisi anda, tanpa mengira keadaan mental.
Tindakan berperang	Tindakan berperang (sama ada diisyiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan, atau apa-apa peristiwa yang seumpama dengannya.
Tindakan menyalahi undang-undang	Apabila anda atau Orang yang Diinsuranskan menyertai tindakan yang menyalahi undang-undang atau gagal untuk bertindak mengikut undang-undang.

Tiada manfaat akan dibayar bagi **Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)** sekiranya tuntutan berpunca daripada:

Penyakit Sedia Ada	Sekiranya tuntutan berpunca secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, daripada penyakit sedia ada.
---------------------------	--

Pastikan perlindungan yang berterusan

Pembayaran premium tepat pada masanya adalah sangat penting untuk memastikan pelan anda dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Apakah yang akan berlaku sekiranya pelan saya luput?

Anda tidak lagi berhak untuk mendapat manfaat **Qaseh Impian**.

Bagaimana boleh saya menyemak status pembayaran premium?

Anda boleh menghubungi FWD Insurance Berhad di talian 1-300-22-6262. Sebagai alternatif, anda juga boleh menyemak status bayaran premium anda melalui Portal Pelanggan FWD di fwd.com.my/en/customer-portal/login.

Bagaimana boleh saya memastikan pelan perlindungan saya tidak luput?

Pastikan premium dibayar tepat pada waktunya melalui salah satu kaedah pembayaran yang tersedia untuk kemudahan anda:

- ▶ Autodebit
- ▶ JomPAY
- ▶ Pembayaran melalui kad kredit atau kad debit
- ▶ Direct Debit
- ▶ E-dompet

Untuk pertanyaan lain yang tidak disenaraikan di atas, Penasihat Insurans dan Penasihat Kewangan Bank Simpanan Nasional kami sedia membantu anda.

Harap maklum

Anda perlu mengambil perhatian tentang beberapa perkara penting seperti yang berikut:

1. Premium yang dibayar bagi pelan ini mungkin layak untuk Pelepasan Cukai bagi Insurans Hayat, tertakluk kepada keputusan muktamad daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).
2. Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini adalah bersesuaian untuk memenuhi keperluan anda dan premium yang perlu dibayar adalah jumlah yang anda mampu.
3. Anda diberikan "Tempoh Pengamatan Percuma" selama 15 hari untuk menyemak kesesuaian pelan selepas anda menerima kontrak polisi. Sekiranya anda mengembalikan kontrak polisi kepada kami dalam tempoh ini, kami akan mengembalikan semua premium yang telah dibayar tanpa faedah.
4. Jika anda menyerahkan polisi sebelum tamat tempoh polisi, anda mungkin akan menerima amaun yang kurang daripada amaun yang telah anda bayar. Jika anda berhenti membayar premium sebelum tamat tempoh pembayaran premium, perlindungan anda mungkin akan ditamatkan lebih awal.
5. Risalah ini adalah untuk maklumat umum sahaja dan senarai pengecualian dan terma dan syarat lain adalah tidak lengkap. Ia bukan kontrak insurans. Sila rujuk Helaian Keterangan Produk dan kontrak polisi untuk maklumat lanjut mengenai terma dan syarat untuk pelan ini.
6. Risalah dalam Bahasa Inggeris disediakan atas permintaan.
7. Jika terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

Lawati cawangan Bank Simpanan Nasional yang terdekat di bsn.com.my/page/locate-us atau layari www.bsn.com.my

Pelan ini diedarkan oleh Bank Simpanan Nasional.
Sila berunding dengan Penasihat Insurans atau Penasihat Kewangan kami untuk maklumat lanjut.

Ibu Pejabat
Wisma BSN
117, Jalan Ampang,
50450, Kuala Lumpur
Talian Khidmat Pelanggan: 1300 88 1900
Laman Web: www.bsn.com.my

Pelan ini diunderait oleh
FWD Insurance Berhad [199301022976] (277714-A)

Ibu Pejabat
Level 21, Mercu 2,
No. 3 Jalan Bangsar, KL Eco City,
59200 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan
Talian Khidmat Pelanggan: 1300-22-6262
E-mel: ask@fwd.com
Laman Web: www.fwd.com.my

FWD Insurance Berhad dilesenkan bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.